

**PERATURAN – PERATURAN YANG PERLU DIPATUHI OLEH  
PELAJAR LATIHAN INDUSTRI**

**1. Permohonan**

- 1.1 Semua permohonan menjalani Latihan Industri adalah melalui **Sistem Pengurusan Latihan Industri (SPLI) KEJORA** yang boleh diakses melalui pautan <http://spli.kejora.gov.my>. Sebarang bentuk permohonan melalui surat tidak akan diproses;
- 1.2 Semua permohonan perlulah sekurang-kurangnya dua (2) bulan dari tarikh menjalani Latihan Industri di KEJORA. Segala permohonan yang kurang daripada tempoh tersebut tidak akan dijana oleh sistem SPLI;
- 1.3 Permohonan yang telah diterima/ diluluskan perlulah mencetak **Surat Setuju Terima** beserta dokumen lain yang berkaitan semasa melaporkan diri;
- 1.4 Bagi pemohon yang ingin membuat **Pembatalan Penempatan** perlulah mengemaskini permohonan secara on-line melalui Sistem SPLI. Sebarang bentuk permohonan penempatan semula Latihan Industri tidak akan diproses;

**2. Bayaran Elaun Dan Peralatan**

- 2.1 Jabatan ini **tidak menyediakan bayaran elaun dan kemudahan tempat tinggal** kepada Pelajar. Pelajar juga dicadangkan untuk membawa kemudahan peralatan seperti Laptop untuk kegunaan harian.

**3. Kehadiran**

- 3.1 Pelajar Praktikal hendaklah hadir bertugas pada setiap hari bekerja mengikut masa yang ditetapkan. Hari bekerja adalah bermula dari Ahad hingga Khamis. Bagi hari Ahad hingga Rabu, waktu bekerja adalah bermula jam 8.00 pagi hingga 5.00 petang. Manakala hari Khamis bermula Jam 8.00 pagi hingga 3.30 petang.

Nota: Adalah diingatkan tindakan akan diambil kepada pelajar yang hadir lewat lebih dari tiga kali dalam sebulan.

#### 4. Cuti

- 4.1 Pelajar Praktikal tiada kelayakan memohon cuti rehat. Walau bagaimanapun, sebarang cuti yang benar-benar diperlukan perlulah terlebih dahulu mendapat kelulusan Penyelia dan Ketua Jabatan;
- 4.2 Pelajar Praktikal diminta memaklumkan dengan segera kepada Penyelia sekiranya berlakunya kecemasan dan mendapatkan surat kebenaran cuti dari jabatan;
- 4.3 Pelajar Praktikal yang bercuti tanpa kelulusan/pengetahuan jabatan dianggap telah melanggar peraturan organisasi dan akan dilaporkan kepada pihak Institusi Pendidikan untuk tindakan;
- 4.4 Pelajar hanya boleh memohon cuti kecemasan maksimum tiga (3) hari sahaja. Namun, permohonan cuti melebihi had yang ditetapkan adalah tertakluk kepada budi bicara Penyelia dan Ketua Jabatan;

#### 5. Tanda Nama

- 4.1 Pelajar Praktikal dikehendaki sentiasa memakai tanda nama yang diberikan sepanjang tempoh menjalani latihan industri di jabatan ini.

#### 6. Etika berpakaian

- 6.1 Pakaian bagi Pelajar Praktikal lelaki adalah sebagaimana berikut:
  - i. Baju kemeja lengan panjang;
  - ii. Tali Leher;
  - iii. Seluar slack panjang berwarna hitam/ biru gelap; dan
  - iv. Kasut bertutup.
- 4.2 Pakaian bagi Pelajar praktikal wanita adalah sebagaimana berikut:
  - i. Baju kurung @ Baju Kebaya Longgar;
  - ii. Pakaian hendaklah tidak menjolok mata;
  - iii. Bertudung; dan
  - iv. Berkasut tutup.
- 4.3 Pelajar Praktikal adalah ditegah sama sekali daripada memakai '*jeans*' atau seluar pendek serta memakai selipar semasa bekerja;

#### 7. Pelajar Praktikal diminta memakai **pakaian batik pada setiap hari Ahad**;

#### 8. Bagi Pelajar Praktikal lelaki dikehendaki **memakai Baju Melayu Johor/ Cekak Musang pada setiap hari Khamis** bagi menghormati Program Membudayakan Al-Quran;

## 9. Tatakelakuan dan Integriti

- 9.1 Pelajar Praktikal dikehendaki mematuhi arahan organisasi dari masa ke semasa sepanjang menjalani Latihan Industri di jabatan ini;
- 9.2 Setiap Pelajar Praktikal hendaklah mempunyai integriti dan kawalan diri yang tinggi;

## 10. Lawatan Penyelia/ Pensyarah

- 10.1 Pelajar Praktikal perlulah memaklumkan kepada Penyelia di Bahagian/ Unit dan Urusetia sekurang-kurangnya satu (1) minggu sebelum tarikh lawatan Penyelia/ Pensyarah ke KEJORA;

## 11. Pertanyaan

- 11.1 Sebarang pertanyaan boleh hubungi:

### Unit Kualiti, Latihan Dan Kompetensi

BIL	NAMA	JAWATAN	EMEL	NO TELEFON
1.	Muhammad Redzuan Bin Othman	Penolong Pengurus	redzuan.othman@kejora.gov.my	07- 884 3053
2.	Mhd Latif Bin Nyat	Pembantu Tadbir (P/O)	latif@kejora.gov.my	07-884 3139